



# PARLIMEN MALAYSIA



## **RANG UNDANG-UNDANG**

**Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) (No.2) 1982**

**DR.17/1982**

Naskhah sahih—Bahasa Malaysia

## RANG UNDANG-UNDANG

### *bernama*

Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1981 dan 1982 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

[ ]

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) (No. 2) 1982.

Tajuk ringkas.

2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan wang sebanyak tidak lebih daripada tiga ratus tujuh puluh satu juta empat ratus lapan puluh ribu satu ratus tiga puluh sembilan ringgit (\$371,480,139) daripada Kumpulanwang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama bagi perkhidmatan tahun 1981, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus Persekutuan 1981 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan 1981, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1981 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1980 dan 1981) dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1981 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) 1982.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1981.

Akta A502.

Akta A527.

Akta A537.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Perbelanjaan  
tambahan  
bagi tahun  
1982.

Akta A526.

Akta A537.

3. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan wang sebanyak tidak lebih daripada tiga ratus lapan puluh lima juta lapan ratus sembilan puluh empat ribu tiga ratus lima ringgit (\$385,894,305) daripada Kumpulanwang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua bagi perkhidmatan tahun 1982, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus Persekutuan 1982 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan 1982 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1982 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) 1982.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

#### JADUAL PERTAMA

##### (Seksyen 2)

| Maksud     | Tajuk                                                 | Peruntukan<br>kepada maksud |
|------------|-------------------------------------------------------|-----------------------------|
| B. 9 ...   | Jabatan Perkhidmatan Awam ...                         | \$ 42,730,156               |
| B. 13 ...  | Perangkaan ...                                        | 168,185                     |
| B. 30 ...  | Kementerian Pertahanan ...                            | 253,000,000                 |
| B. 32 ...  | Kementerian Luar Negeri ...                           | 3,061,395                   |
| B. 34 ...  | Perkhidmatan Am Perbendaharaan                        | 13,583,067                  |
| B. 36 ...  | Kastam dan Eksais Di Raja ...                         | 412,269                     |
| B. 67 ...  | Kementerian Pembangunan Negara<br>dan Luar Bandar ... | 58,525,067                  |
| Jumlah ... |                                                       | <u>\$371,480,139</u>        |

#### JADUAL KEDUA

##### (Seksyen 3)

| Maksud   | Tajuk                         | Peruntukan<br>kepada maksud |
|----------|-------------------------------|-----------------------------|
| B. 4 ... | Suruhanjaya Pilihanraya ...   | \$ 8,196,000                |
| B. 5 ... | Suruhanjaya Perkhidmatan Awam | 266,600                     |
| B. 7 ... | Jabatan Perdana Menteri ...   | 500,000                     |
| B. 8 ... | Jabatan Perkhidmatan Awam ... | 122,336,696                 |
| B. 9 ... | Jabatan Kehakiman ...         | 50,000                      |

| Maksud     | Tajuk                                                     | Peruntukan<br>kepada maksud |
|------------|-----------------------------------------------------------|-----------------------------|
| B. 24 ...  | Kementerian Perusahaan Utama ...                          | \$152,956,294               |
| B. 27 ...  | Kementerian Kebudayaan, Belia<br>dan Sukan ... ..         | 180,720                     |
| B. 33 ...  | Perkhidmatan Am Perbendaharaan                            | 7,600,000                   |
| B. 34 ...  | Peruntukan kepada Kumpulanwang<br>Terkanun ... ..         | 26,325,600                  |
| B. 37 ...  | Kementerian Perusahaan Awam ...                           | 7,000,000                   |
| B. 42 ...  | Pendaftaran Pertubuhan ... ..                             | 32,600                      |
| B. 43 ...  | Jabatan Pendaftaran Negara ...                            | 344,993                     |
| B. 46 ...  | Kementerian Penerangan ... ..                             | 1,290,148                   |
| B. 48 ...  | Jabatan Penerangan ... ..                                 | 11,484,491                  |
| B. 52 ...  | Kementerian Pengangkutan ...                              | 6,930,985                   |
| B. 56 ...  | Penerbangan Awam—Sarawak dan<br>Sabah ... ..              | 239,300                     |
| B. 57 ...  | Perkhidmatan Kajicuaca ... ..                             | 3,748,000                   |
| B. 59 ...  | Kementerian Tenaga, Telekom dan<br>Pos ... ..             | 875,344                     |
| B. 62 ...  | Kementerian Kebajikan Am ...                              | 297,340                     |
| B. 64 ...  | Kementerian Kemajuan Tanah dan<br>Kemajuan Wilayah ... .. | 35,239,194                  |
| Jumlah ... |                                                           | <u>\$385,894,305</u>        |

### HURAIAN

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk memberi kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1981 dan 1982 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Anggaran Belanja Mengurus Persekutuan 1981 dan 1982, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1981 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1980 dan 1981) 1981, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1981 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) 1982 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1982 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) 1982 dan untuk mengadakan peruntukan bagi mengganti pendahuluan-pendahuluan yang dibuat daripada Kumpulanwang Luar Jangka sebagaimana dikehendaki oleh Perkara 103 Perlembagaan.

[PN. (U<sup>2</sup>) 1206.]